



لحم الطين

dari Pelbagai Dimensi

► **Mohamad Nazli Omar**

Dekan Fakulti Keilmuan Islam,
Universiti Melaka

Jihad lazimnya disebut dalam hal ehwal yang berkaitan dengan peperangan dan perjuangan untuk menegakkan negara dan pemerintahan Islam. Konotasi jihad pada kebiasaannya dikaitkan dengan kekerasan dan pertembungan antara dua entiti untuk mempertahankan hak dan keperluan masing-masing. Namun begitu, perlu difahami bahawa jihad bukanlah khusus dalam perkara tersebut sahaja kerana jika diteliti dari pelbagai dimensi, jihad menurut perspektif Islam mempunyai maksud yang luas dan merentasi perbincangan yang disebutkan itu.

Takrif jihad dan dalil yang berhubung dengannya

Menurut kitab *Lisan al-Arab*, kalimah jihad diambil daripada kalimah *jahada* yang membawa maksud berhadapan dengan kesukaran serta mengerahkan tenaga untuk menghadapi sesuatu keadaan yang mencabar. Dari segi istilah, al-Kasani menyatakan bahawa jihad dari segi syarak merujuk pelaksanaan dengan sepenuh kekuatan diri dan kemampuan untuk berjuang pada jalan Allah sama ada melalui nyawa, harta, lisan dan

perkara lain yang berkenaan. Menurut pandangan Ibn Hajar dan al-Buhuthi pula, maksud jihad ialah peperangan yang dilaksanakan secara khusus. Menerusi kedua-dua pandangan ini, dapat disimpulkan bahawa terdapat dua perspektif yang membincangkan tentang jihad, iaitu jihad am dan jihad khusus. Jihad am merujuk pelbagai dimensi kehidupan yang dilakukan sebagai pengorbanan ke jalan Allah, manakala jihad khusus merujuk perkara yang melibatkan peperangan pada jalan Allah.

Dalam al-Quran, terdapat banyak ayat yang membincangkan tentang jihad. Berdasarkan *Surah al-'Ankabut* ayat 6, Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan sesiapa yang berjihad (menegakkan Islam) maka sesungguhnya dia hanyalah berjihad untuk kebaikan dirinya sendiri; sesungguhnya Allah Maha Kaya (tidak berhajatkan sesuatu pun) daripada sekalian makhluk." Ibn Kathir mentafsirkan bahawa yang dimaksudkan dengan sesiapa yang berjihad itu merujuk seseorang yang beramal soleh.

Dalam surah yang sama ayat 69 pula, Allah SWT berfirman yang bermaksud, "Dan orang yang berjihad untuk (mencari keredaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar berserta orang yang berbuat baik." (*Surah al-'Ankabut* 29:69). Menurut Imam al-Qurtubi ketika mentafsirkan ayat ini, maksud jihad bukan sekadar peperangan, tetapi juga perjuangan agama dalam usaha menentang golongan batil, mengekang golongan yang zalim,

Jihad bukan semata-mata mengangkat senjata dan mencetuskan peperangan, tetapi lebih kepada cara kita berjuang untuk mengangkat maruah agama menerusi perspektif Islam yang sebenar.

serta usaha mengajak kepada kemakrufan dan mencegah kemungkaran yang dilihat sebagai setinggi-tinggi dan semulia-mulia jihad.

Inilah bukti dan dalil yang termaktub dalam al-Quran yang menyebutkan panduan secara jelas untuk kita jadikan jihad sebagai rutin dalam hidup kita, khususnya yang melibatkan jihad am bagi memastikan kemaslahatan diri dan umat Islam dapat dilaksanakan dengan baik. Perkara ini wajar diberikan perhatian secara padu kerana melibatkan pelbagai dimensi kehidupan seperti ekonomi, politik dan sosial. Bagi jihad secara khusus, iaitu peperangan menentang musuh Islam, hal tersebut tidak dilaksanakan secara tuntas dan holistik kerana suasana kita di Malaysia tidak sampai ke tahap itu, namun jika keadaan memerlukan, secara langsung hal tersebut akan dilaksanakan.

Jihad dari pelbagai sudut kehidupan

Jihad secara am merangkumi pelbagai dimensi kehidupan manusia sejajar dengan perintah Allah SWT kepada hamba-Nya untuk melaksanakan tugas sebagai khalifah di dunia ini menerusi kaedah *hirasah al-din wa*



Penguasaan ekonomi yang mampan memberikan pulangan yang positif kepada umat Islam.

dunya bih. Rentetan itu, sebaiknya dibincangkan dengan lebih mendalam berhubung dengan jihad dari pelbagai perspektif bagi mengukuhkan kefahaman kita.

Menurut Ibn Qayyim dalam karyanya, *Zad al-Ma'ad*, jihad dibahagikan kepada empat dimensi, iaitu jihad menentang hawa nafsu, jihad menentang hasutan syaitan, jihad menentang bidaah serta penyelewengan pemikiran dan jihad menentang musuh Islam yang jelas.

1 Jihad menentang hawa nafsu

Secara mudahnya, jihad menentang hawa nafsu dibahagikan kepada empat kategori. Kategori pertama merujuk berjihad terhadap nafsu dengan mengenal pedoman agama yang sebenar. Kebahagiaan di dunia dan di akhirat tidak akan berjaya dicapai tanpa pengukuhan dari aspek keagamaan. Kategori kedua pula menerusi jihad terhadap nafsu melalui amalan setelah memiliki ilmu. Tanpa keilmuan yang sebenar, segala amalan yang dilakukan akan sia-sia.

Kategori ketiga pula ialah berjihad menerusi kaedah dakwah, khususnya kepada orang yang tidak mengetahui, manakala kategori keempat ialah berjihad dengan penuh kesabaran atas kepayahan melaksanakan dakwah tersebut.

2 Jihad menentang hasutan dan godaan syaitan

Jihad ini meliputi dua keadaan, iaitu jihad menentang dorongan yang dilemparkan oleh syaitan kepada seseorang mukmin dalam melaksanakan kemaksiatan menerusi perkara syubhah dan keraguan, dan jihad terhadap dorongan dan hasutan syaitan daripada kemahuan yang merosakkan seseorang mukmin dengan menuruti hawa nafsu yang sering membawa kepada kekufuran. Bagi merealisasikan jihad menentang hasutan syaitan ini, Allah SWT berfirman yang bermaksud, “Dan Kami jadikan dalam kalangan mereka beberapa pemimpin, yang membimbing kaum masing-masing kepada hukum agama Kami, selama mereka bersifat sabar (dalam menjalankan tugas tersebut) serta mereka tetap yakin dengan ayat-ayat keterangan Kami.” (*Surah al-Sajdah* 32:24).

3 Jihad menentang bidaah dan pemikiran semasa yang menyeleweng

Tidak dapat dinafikan bahawa pada masa ini, terdapat banyak fahaman yang bertentangan dengan ajaran Islam termasuk perkara bidaah serta pemikiran moden yang bertentangan dengan syariat Islam seperti sekularisme, pluralisme, pengaruh lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT) dan



Berdakwah juga merupakan satu daripada kategori jihad.

ajaran sesat. Kesemua ini merupakan ancaman terhadap suasana harmoni yang diasaskan dalam ajaran Islam. Sehubungan dengan itu, aspek pendidikan, pemahaman kepada masyarakat dan penguatkuasaan undang-undang menerusi akta dan enakmen perlu diperkasakan bagi memastikan kesucian dan keluhuran agama Islam dapat dipelihara. Umat Islam perlu bersatu hati untuk berjihad memerangi fahaman pemikiran yang negatif ini daripada terus bertapak dan subur dalam kehidupan mereka.

4 Jihad menentang musuh Islam yang nyata

Hal ini merujuk golongan munafik dan kafir yang secara jelas menentang Islam. Allah SWT berfirman dalam *Surah al-Furqan* ayat 51 dan 52 yang bermaksud, “Dan kalau Kami kehendaki, tentulah Kami utus di tiap-tiap negeri, seorang rasul pemberi amaran. Oleh itu, janganlah engkau (wahai Muhammad) menurut kehendak orang kafir, dan berjuanglah dengan hujah al-Quran menghadapi mereka dengan perjuangan yang besar dan bersungguh-sungguh.” Para ilmuwan Islam menegaskan bahawa berjihad menentang orang kafir perlu melalui hati, lidah, harta dan jiwa. Berjihad kepada orang munafik pula hanya melibatkan lidah dan intelektual, iaitu usaha dakwah yang dijalankan. Jihad dalam kategori ini perlu dilaksanakan

secara bersepadu dalam pelbagai dimensi bagi memastikan martabat dan maruah Islam dapat dibela.

Menerusi keempat-empat kategori jihad ini, jelas menunjukkan keluasan skop perbincangan berkaitan dengan jihad. Jihad bukan semata-mata mengangkat senjata dan mencetuskan peperangan, tetapi lebih kepada cara kita berjuang untuk mengangkat maruah agama menerusi perspektif Islam yang sebenar.

Memperkasakan jihad ekonomi umat Islam

Kita lazim diperdengarkan dengan isu pemeraksanaan jihad ekonomi dalam kalangan umat Islam. Apakah yang difahami dengan jihad ekonomi? Jika dilihat dalam syariat Islam, jihad ekonomi bukan sahaja membincangkan perihal pelaksanaan ibadat khusus merujuk syahadah, solat, berpuasa dan berzikir kepada Allah. Islam bersifat syumul yang merangkumi pelbagai perkara yang berkaitan dengan kehidupan manusia termasuk juga hal yang berkaitan dengan ekonomi.

Jika dilihat dalam rukun Islam juga, perbincangan berkaitan dengan pelaksanaan ibadat zakat lebih sinonim dengan pemeraksanaan ekonomi umat Islam. Zakat yang dikutip saban tahun menerusi pusat kutipan zakat yang dikawal selia oleh majlis agama Islam setiap negeri sebenarnya memainkan peranan yang besar dalam usaha memberikan impak positif kepada umat Islam secara khususnya di Malaysia. Penguasaan ekonomi yang mampan sebenarnya memberikan pulangan yang positif kepada umat Islam.

Usaha untuk mengukuhkan senario umat Islam merupakan satu jihad pada masa ini yang perlu diberikan perhatian. Aspek perniagaan yang dijalankan oleh umat Islam pada hari ini perlu disokong dan diperkasakan kerana hal tersebut merupakan satu jihad tatkala umat Islam dilihat agak terbelakang dalam isu tersebut. Budaya perniagaan wajar dijadikan satu daripada platform utama dalam usaha kita memperkukuh kelangsungan ekonomi umat Islam pada masa ini.

Sesungguhnya usaha untuk mengukuhkan ekonomi ini merupakan satu bentuk jihad yang dituntut dalam Islam. Umat dan negara yang mempunyai kedudukan ekonomi yang baik mencerminkan imej dan status mereka sendiri. Pada masa yang sama, kita perlu sentiasa bersedia dan melengkapkan diri dengan menguasai pelbagai disiplin ilmu dan kepakaran seperti bidang kedoktoran, kejuruteraan, kewangan dan perundangan.

Pada asasnya, jihad ekonomi ini perlu bermula daripada diri umat Islam sendiri dengan melaksanakan beberapa disiplin bagi mengelakkan timbulnya masalah pada kemudian hari. Beberapa langkah perlu diambil oleh umat Islam dalam usaha memastikan jihad ekonomi ini terlaksana dengan jayanya. Antaranya termasuklah:

1 Menyusun semula urusan kewangan diri

Lakukan senarai semak terhadap perbelanjaan dan keperluan gaya hidup kita. Jika senarai perbelanjaan tersebut tidak lagi bersesuaian

dan di luar kemampuan, dasar perbelanjaan sedia ada perlu dirombak dan digantikan dengan dasar yang lebih efektif dan sistematik. Kurangkan perbelanjaan yang tidak penting dan simpan wang untuk tujuan perancangan masa depan.

2 Amalkan budaya menabung

Amalan menabung bertujuan untuk mengawal perbelanjaan daripada melampaui kemampuan kita dan sebagai persediaan bagi hal-hal kecemasan. Soal bergaji besar atau kecil bukanlah ukuran, tetapi komitmen dan disiplin diri itu yang paling penting. Hal ini lebih merujuk jihad nafsu daripada kemahuan terhadap material.

3 Berjimat cermat dan tidak boros

Sikap boros atau membazir akan mengakibatkan ekonomi menjadi tidak stabil. Elakkan atau tinggalkan tabiat buruk dan tidak sihat seperti pembaziran air, elektrik, merokok, makan di luar, berhibur dan berhias secara berlebih-lebihan. Kesemua perkara ini akan mengundang kepada perbelanjaan yang akan menyebabkan ekonomi kita meruncing.

4 Elakkan diri daripada berhutang

Sebaik-baiknya elakkan diri daripada memulakan hutang yang baharu, kecuali dalam perkara yang betul-betul memerlukan. Sikap bijak

ini dapat mengelakkan kita daripada terperangkap dengan masalah yang lebih serius seperti tekanan perasaan, pergaduhan dan pelakuan jenayah apabila hutang membelenggu hidup kita.

Inilah jihad ekonomi yang bermula daripada diri kita sendiri bagi memastikan segala permasalahan dan isu yang timbul daripadanya dapat dielakkan.

Jelas di sini bahawa jihad sebenarnya bukanlah suatu disiplin ilmu yang khusus membincangkan tentang perkara yang berkaitan dengan peperangan dan pertempuran. Pasti umat Islam dewasa ini perlu didedahkan dengan ruang lingkup berkaitan dengan jihad yang lebih luas lagi. Dikhuatiri jika sering berbicara berkaitan dengan jihad tanpa melihat skopnya yang lebih luas, akan wujud pelampau agama yang sering menimbulkan polemik dan masalah dalam negara khususnya, dan dunia secara amnya.

Selayaknya umat Islam di negara ini memikirkan kaedah terbaik untuk kita memperkasakan pemahaman agama, melakukan pemerksaan ekonomi, pengukuhan institusi sosial dan kestabilan politik bagi menjamin dasar Islam sebagai rahmat bagi seluruh alam (*rahmatan li al-'alamin*) di samping melonjakkan Islam sebagai teras ketamadunan yang kekal abadi sejajar dengan gagasan Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia pada hari ini. 🕌